

**PENERANGAN MENGENAI INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 2
MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
DAN PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI PERLIS**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 2 mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Perlis. LKAN ini melaporkan dua tajuk pengauditan, iaitu satu tajuk di bawah pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan negeri dan satu tajuk berkaitan pengauditan pematuhan jabatan negeri seperti berikut:

1.1. Bahagian I - Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perlis

a. Pens Holdings Sdn. Bhd. (PHSB) [Modal Berbayar RM13.75 juta] [Syarikat Subsidiari Milikan Penuh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis]

- Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah objektif penubuhan PHSB belum dicapai sepenuhnya sebagai kontraktor pembinaan melalui aktiviti pengurusan projek pembinaan; tadbir urus korporat adalah memuaskan; manakala kedudukan kewangan syarikat kurang stabil.
- Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan kedudukan kewangan seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- kesemua KPI kewangan tidak dicapai bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Pencapaian keseluruhan KPI tiga tahun bagi pendapatan ialah 35.9%, kos jualan ialah 35.8%, untung kasar ialah 38.1% dan keuntungan sebelum cukai ialah negatif 40.3%.
- pencapaian fizikal bagi dua daripada tiga projek tidak dicapai kerana tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak asal. Projek berjaya disiapkan dalam tempoh lanjutan masa (EOT) yang diluluskan sebanyak 14 kali dan sembilan kali iaitu masing-masing selama 1,963 hari dan 1,177 hari.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- objektif utama syarikat sebagai kontraktor pembinaan bangunan belum tercapai sepenuhnya kerana semua projek telah diuruskan secara subkontrak dan tidak dijalankan sendiri oleh PHSB.
- tiada dividen diisythihar dan dibayar oleh PHSB kepada syarikat induk sepanjang tahun 2019 hingga 2021.

iii. Pengurusan Aktiviti

Penemuan Audit bagi aspek pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:

- PHSB tidak mempunyai sumber kewangan, sumber manusia dan kepakaran serta aset pembinaan yang mencukupi untuk melaksanakan projek secara sendiri sebagaimana objektif penubuhannya;
- pelaksanaan aktiviti kurang cekap disebabkan subkontraktor yang dilantik tidak memenuhi kriteria pelantikan yang ditetapkan. PHSB tidak mempunyai pengalaman kerja lampau bersama dua daripada 16 subkontraktor yang dilantik dan kedudukan kewangan tidak dipertimbangkan. Selain itu, beban kerja semasa bagi satu daripada 16 subkontraktor tidak dipertimbangkan. Tiga daripada 16 subkontraktor pula melebihi had dan nilai perolehan serta keupayaan dan kemampuan yang didaftarkan dengan LPIPM. Manakala dua daripada 16 subkontraktor yang dilantik juga didapati tidak berdaftar dengan LPIPM. Pelantikan 16 subkontraktor tidak diikat dengan dokumen kontrak perjanjian. Kualiti kerja yang dilaksanakan oleh subkontraktor juga adalah tidak memuaskan; dan
- bagi aspek pemantauan aktiviti, pengurusan dokumen dan rekod berkaitan projek dan subkontraktor adalah kurang teratur.

iv. Tadbir Urus Korporat

Amalan tadbir urus adalah memuaskan di mana enam daripada lapan aspek tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya

v. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan syarikat adalah kurang stabil kerana mengalami kerugian sebelum cukai bagi tahun 2019 dan 2020. Kerugian ini telah menyebabkan PHSB mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM13.70 juta pada tahun 2021.

1.2. Bahagian II - Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Perlis

a. Bayaran Bagi Perbelanjaan Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup (Pemberian TAHAP) di Jabatan Perhutanan Negeri Perlis (JPHPs)

- Objektif pengauditan ini dilaksanakan untuk menentukan sama ada bayaran bagi perbelanjaan pembangunan di bawah Pemberian TAHAP dilaksanakan dengan teratur selaras dengan undang-undang, peraturan dan prosedur kewangan yang berkuat kuasa.

- Sebanyak 11 arahan pembayaran berjumlah RM2.09 juta atau 87.9% daripada keseluruhan 14 arahan pembayaran berjumlah RM2.38 juta telah dipilih dan disemak berkaitan perbelanjaan Pemberian TAHAP di JPHPs.
 - Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah pengurusan perolehan oleh JPHPs bagi kerja pembangunan di bawah Pemberian TAHAP berjumlah RM1.57 juta adalah tidak teratur.
 - Pengauditan ini melaporkan apa yang sepatutnya dilakukan dan apa yang sebenarnya berlaku seperti berikut:
 - i. **Apa Yang Sepatutnya (Kriteria)**
 - Berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Surat Setuju Terima dan Syarat-syarat Sebut Harga, bayaran penuh hanya boleh dibuat setelah kerja disempurnakan dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.
 - ii. **Apa Yang Berlaku (Keadaan)**
 - Bayaran penuh berjumlah RM1.57 juta dibuat bagi tujuh perolehan kerja yang belum disiapkan dengan sempurna.
 - Sijil Perakuan Siap Kerja yang ditandatangani tidak menggambarkan kemajuan sebenar fizikal.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak sembilan syor Audit diberikan oleh Ketua Audit Negara. Lima syor kepada PHSB serta empat syor kepada Jabatan Perhutanan Negeri Perlis